

Penjaja 'rambo' digempur

KUALA LUMPUR – Penjaja rambo warga asing yang tular menjual sayur-sayuran dan telur di kaki lima di sekitar Jalan Hang Jebat, di sini digempur penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) petang semalam.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya telah melaksanakan Tindakan Khas Terhadap Penjaja Tanpa Lesen susulan maklumat orang awam.

“Setibanya di lokasi pihaknya mendapati terdapat tiga aktiviti perniagaan dilakukan melibatkan seorang penjaja warga asing yang menjual telur, manakala dua lagi merupakan warga tempatan yang berniaga sayur, buah-buahan, ikan, secara tanpa lesen dari pihak berkuasa,” katanya menerusi hantaran di Facebook.

Jelasnya, tiga tindakan sita dan pindah barangan perniagaan dikeluarkan termasuk dua notis kompaun dibawah kesalahan UUK 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016.

“Kesemua barangan yang di sita dipindahkan ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras,” katanya.